

IBRAH

UMP imarah keberkatan Ramadan

Program kampus erat muafakat kakitangan, pelajar



Oleh Ainal Marhatoz Abd Ghani
bhagama@bh.com.my

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) menganjurkan Festival Ramadan dengan menyediakan pelbagai pengisian seperti solat tarawih, tadurus al-Quran dan iftar jamaie sepanjang bulan puasa ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Sri Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata program dianjurkan di kedua-dua masjid universiti berkenaan di kampus Pekan dan Gambang bertujuan memberi peluang warga kampus serta masyarakat setempat meriahkan Ramadan dengan program bermanfaat.

Beliau berkata, program itu

dapat direalisasikan hasil sumbangan dan tajaan diterima menerusi inisiatif Endowmen MyGift. UMP bertujuan menyuntuti pelbagai lapisan masyarakat sepanjang bulan puasa.

"Menerusi sumbangan yang dikumpulkan itu kita menyediakan juadah untuk berbuka puasa, moreh dan sahur di samping program seperti memasak bubur lambuk, siri forum agama, kuliah serta seminar Nuzul al-Quran," katanya.

Katanya, Tabung MyGift UMP turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM129,000 kepada pengurusan masjid UMP yang diwakili Pengarah PIMPIN, Dr Mahyudin Ismail bagi melaksanakan aktiviti masjid dan mengimarahkan Festival Ramadan.

Menerusi program itu, UMP dengan bantuan pelajar menyediakan hidangan berbuka puasa dan bersahur secara gota-gotong. Hidangan itu dinikmati bersama jemaah masjid dan sudah menjadi amalan sejak beberapa tahun lalu.



Pelajar UMP menyediakan hidangan makan bertalam untuk mahasiswa di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan.



Dr Daing Nasir (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan Tabung MyGift UMP kepada Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan UMP, Dr Mahyudin Ismail bagi menjalankan aktiviti masjid dan mengimarahkan Festival Ramadan di Canselor Tun Abdul Razak, Pekan, baru-baru ini.

Bina kompleks baharu

Menurut Dr Daing, kompleks Masjid Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan yang mula dibina pada Julai tahun lalu dan dijangka siap pada Mac 2019 bakal menjadi mereti landa baharu bagi institusi pengajian tinggi itu.

Beliau berkata, pembinaan kompleks berkenaan turut dilengkapi pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, dewan seminar, bilik kuliah, perpustakaan dan

kemudahan lain.

Katanya, seni binaanya bercorak sirip mengambil kira arah angin dan pengudaraan yang dapat memajukan ruang solat serta mampu memuatkan sehingga 3,500 orang pada satu masa. Konsep Islamik dengan elemen tempatan dapat dilihat pada rekaian bumbung serta pencahayaan solar jadi.

"Pemilihan lokasi berhampan tugas dapat memberikan ketenangan kepada tetamu dan pelawat yang berkunjung serta mengu-

nakan kemudahan itu apabila siap kelak. Kerja awal pembinaannya kini sedang dijalankan di tapak masjid yang berkejujukan 75 ekar," katanya.

Beliau berkata, pihak pengurusan komited untuk menjalinkan kompleks masjid itu satu kemegahan serta simbol kejayaan UMP dalam konteks hubungannya dengan masyarakat, bukan sahaja sebagai tempat ibadah umat Islam, tetapi juga sebagai institusi penyatuan dan perpaduan.

